

1. Pelan Instalment-Pay Bank Simpanan Nasional (selepas ini dirujuk sebagai “Pelan Instalment-Pay BSN”) terbuka kepada Ahli Kad Utama Kad Kredit/-i BSN (selepas ini dirujuk sebagai “Ahli Kad”) Bank Simpanan Nasional (selepas ini dirujuk sebagai “Bank”) yang layak untuk pembelian atau transaksi runcit tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini (selepas ini dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”).

Bank Simpanan Nasional Instalment-Pay Plan (hereinafter referred to as “BSN Instalment-Pay Plan”) is available to eligible Principal Cardmembers of BSN’s Credit Card/-i (hereinafter referred to as “Cardmember”) of Bank Simpanan Nasional (hereinafter referred to as “Bank”) for purchases or retail transaction subject to the Terms and Conditions herein stated (hereinafter referred to as “Terms and Conditions”).

2. Ahli Kad akan dianggap telah membaca dan menerima Terma dan Syarat ini dan lain-lain Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa termasuk apa-apa perubahan, pindahan, pembatalan dan/atau penambahan apabila Ahli Kad memohon untuk Pelan Instalment-Pay BSN. Ahli Kad juga bersetuju untuk mengakses laman sesawang www.bsn.com.my (selepas ini dirujuk sebagai “Laman Sesawang BSN”) dari semasa ke semasa untuk memastikan Ahli Kad mengikuti apa-apa perubahan, pindahan, pembatalan dan/atau penambahan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

The Cardmember shall be deemed to have read and accepted the Terms and Conditions and any other Terms and Conditions stipulated by BSN from time to time including any variations, amendment, deletions and/or additions thereto when the Cardmember applies for the BSN Instalment-Pay Plan. The Cardmember also agrees to access www.bsn.com.my (hereinafter referred to as “BSN’s Website”) on a regular basis to ensure that the Cardmember is updated with any variations, amendment, deletions and/or additions made to the Terms and Conditions.

3. Instalment-Pay BSN mempunyai pelan berikut:

The BSN Instalment-Pay has the following plans:

| | | | | |
|----|---|---------------------|-----------------------|-----------------------|
| a) | Tempoh Pelan Instalment-Pay BSN (selepas ini dirujuk sebagai “Tempoh”) <i>BSN Instalment-Pay Plan Tenure (hereinafter referred to as “Tenure”)</i> | 6 Bulan 6 Months | 12 Bulan 12 Months | 24 Bulan 24 Months |
| b) | Jumlah minimum pembelian atau transaksi runcit dalam satu transaksi <i>The minimum amount of purchase or retail transaction in a single transaction</i> | RM 500.00 | RM 1000.00 | RM 2000.00 |
| c) | Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj) ke atas jumlah kasar pembelian atau transaksi runcit Profit / Interest Rate (One-off Charge) to be charged on the gross value of the purchase or retail transaction | 3% | 4% | 5% |

4. Tertakluk kepada kelayakan Ahli Kad semasa permohonan, Ahli Kad adalah layak untuk memohon Pelan Instalment-Pay BSN dengan syarat berikut:-
Subject to the Cardmember's eligibility at the time of application, the Cardmember may qualify to apply the BSN Instalment-Pay Plan subject to the following conditions:-

| No. | Syarat-Syarat / Conditions |
|-----|---|
| a) | Ahli Kad tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat perjanjian kad kredit dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Perjanjian Ahli Kad") <i>The Cardmember is not in breach of the Terms and Conditions of his credit card agreement with the Bank (hereinafter referred to as "Cardmember Agreement");</i> |
| b) | Ahli Kad tidak ingkar melakukan pembayaran berkenaan dengan Akaun kad kredit (selepas ini dirujuk sebagai "Akaun Ahli Kad") <i>The Cardmember is not in default of payment in respect of his credit card account (hereinafter referred to as "Cardmember's Account");</i> |

5. Bank merizabkan haknya untuk meminda tempoh, jumlah minimum pembelian atau transaksi runcit dan kadar keuntungan / faedah yang dinyatakan di atas dari semasa ke semasa dengan notis pemberitahuan seperti yang dinyatakan di Klausa 32 di bawah. Walau bagaimanapun jumlah maksimum bagi setiap pembelian atau transaksi runcit adalah tertakluk kepada baki kemudahan sedia ada dalam Akaun Ahli Kad dan had kemudahan Ahli Kad.
The Bank reserves the right to vary the Tenure, the minimum amount of purchase or retail transaction and the Profit/Interest Rate specified above from time to time at its absolute discretion with notification as specified in Clause 32 hereunder. However the maximum amount of each purchase or retail transaction is subject to the Cardmember's available facility balance in the Cardmember's Account and the Cardmember's facility limit.
6. Untuk memohon Pelan Instalment-Pay BSN, Ahli Kad hendaklah menghubungi Bank di 603-2613 1900, selepas pembelian dibuat atau sebelum Penyata Kad Kredit yang akan datang, mana-mana yang terdahulu. Ahli Kad hendaklah memaklumkan butir-butir pembelian atau transaksi runcit yang ingin dibayar secara ansuran dengan syarat jumlah pembelian atau transaksi runcit tersebut telah didebitkan ke Akaun Ahli Kad terlebih dahulu.
To apply for BSN Instalment-Pay Plan, Cardmember must contact the Bank at 603-2613 1900, after the purchase made or before your next Credit Card Statement, whichever is earlier. The Cardmember must notify the Bank the details of the purchase or retail transaction which the Cardmember intends to pay by instalments subjects to confirmation that the amount of such transaction has been debited to the Cardmember account.
7. Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen atau Ahli Kad yang telah melanggar mana-mana perjanjian mereka dengan BSN tidak layak untuk permohonan Pelan Instalment-Pay BSN.
A Cardmember whose accounts with BSN that are believed to have been operated fraudulently or which have been invalidated, suspended, closed, cancelled, delinquent or a Cardmember who has been in breach of any of their agreement with BSN is not eligible to apply for BSN Instalment-Pay Plan.
8. Walau apapun jua keadaan, pihak Bank berhak meluluskan atau menolak permohonan Ahli Kad mengikut budi bicaranya berdasarkan prosedur permintaan kebenarannya tanpa perlu memberi sebarang alasan kepada Ahli Kad.
Notwithstanding anything to the contrary, the Bank reserves the right to approve or reject the

Cardmember's application at its absolute discretion based on its authorization request procedures without assigning any reason whatsoever to the Cardmember.

9. Kadar keuntungan / faedah (sekali caj) akan dikenakan terlebih dahulu ke dalam Akaun Ahli Kad mengikut penyata akaun sebaik sahaja Bank meluluskan permohonan Ahli Kad dan tidak akan dikembalikan walaupun terdapat penyelesaian awal atau pembatalan Pelan Instalment-Pay BSN.
Profit / interest rate (One-off Charge) shall be charged upfront into the Cardmember's Account by statement date immediately following the Bank's approval of the BSN Instalment-Pay Plan application and is not refundable notwithstanding early settlement or cancellation of the BSN Instalment-Pay Plan.
10. Jumlah agregat nilai kasar pembelian atau transaksi runcit Ahli Kad yang ditukarkan kepada Pelan Instalment-Pay BSN (selepas ini dirujuk sebagai "Amaun") hendaklah dibayar oleh Ahli Kad melalui ansuran bulanan secara sama rata (selepas ini dirujuk sebagai "Ansuran Bulanan") mengikut Tempoh seperti yang dinyatakan di Klausa 3 di atas yang dipilih tanpa sebarang penolakan. Ahli Kad tidak boleh mengubah Tempoh, Amaun atau Ansuran Bulanan melainkan jika Bank menentukan sebaliknya.
The aggregate of the gross value of the purchase or retail transaction converted to BSN Instalment-Pay Plan (hereinafter referred to as "Amount") shall be payable by the Cardmember by way of equal monthly instalments (hereinafter referred to as "Monthly Instalment") according to the selected Tenure as specified in Clause 3 above without any deduction whatsoever. The Cardmember is not at liberty to change the Tenure, Amount or the Monthly Instalment unless the Bank determines otherwise.
11. Ansuran Bulanan dikira berdasarkan formula Amaun yang dibahagikan dengan Tempoh. Jumlah ansuran bagi bulan pertama adalah lebih tinggi sedikit daripada ansuran bulanan seterusnya berikutan pelarasan pembundaran.
The Monthly Instalment is computed based on the formula of the Amount divided by the Tenure. The first month's instalment amount may be slightly higher than the subsequent months due to rounding adjustment.
12. Setelah permohonan Ahli Kad untuk Pelan Instalment-Pay BSN diluluskan, had kemudahan Ahli Kad akan dikurangkan mengikut jumlah amaun Ansuran Bulanan yang tertunggak. Dengan setiap Ansuran Bulanan yang dibayar oleh Ahli Kad, jumlah bersamaan dengan Ansuran Bulanan tersebut akan dimasukkan kembali kepada had kemudahan Kredit Kad Ahli Kad.
Upon the Bank's approval of the Cardmember's application for the BSN Instalment-Pay Plan, the facility limit of the Cardmember's Account will be reduced by the aggregate amount of the outstanding Monthly Instalments due. As each Monthly Instalment is paid by the Cardmember, the amount equivalent to the Monthly Instalment so paid shall be restored to the Cardmember's Credit Card facility limit.
13. Ansuran Bulanan akan dibilkan serta-merta kepada Ahli Kad pada tarikh penyata yang akan datang setelah mendapat kelulusan permohonan dari pihak Bank dan pada setiap bulan selepasnya sehingga penyelesaian penuh semua Ansuran Bulanan.
The Monthly Instalment shall be billed to the Cardmember on the next statement date immediately following the Bank's approval of the application and every month thereafter until full settlement of all the Monthly Instalments.
14. Sekiranya Ahli Kad memilih untuk membayar bayaran minimum lima peratus (5%) daripada baki tertunggak tanpa pembayaran penuh Ansuran Bulanan, caj keuntungan / faedah

terpakai yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad Bank boleh dikenakan ke atas apa-apa amaun yang tertunggak yang masih belum dibayar ke dalam Akaun Ahli Kad.

In the event the Cardmember opts to pay a minimum payment of five per cent (5%) of the outstanding balance without making payment of the full Monthly Instalment, the applicable profit / interest rate as set out in the Bank's Cardmember Agreement shall be chargeable on any of the outstanding amount remaining unpaid in the Cardmember's Account.

15. Pihak Bank berhak untuk mendebitkan secara automatik semua atau mana-mana tunggakan Pelan Instalment-Pay BSN yang belum dijelaskan ke dalam Akaun Ahli Kad sekiranya Ahli Kad meminta untuk menamatkan penggunaan kadnya atau Bank menutup akaun Ahli Kad atas sebarang alasan sekalipun.

The Bank reserves the right to automatically debit all or any outstanding BSN Instalment-Pay Plan Amount to the Cardmember's Account in the event the Cardmember requests to terminate the use of the card or the Bank closes the Cardmember's Account for any reason whatsoever.

16. Jika berlaku apa-apa perubahan kepada nombor akaun Ahli Kad, amaun Pelan Instalment-Pay BSN akan didebitkan secara automatik ke akaun kad kredit baru Ahli Kad yang akan dikeluarkan mengikut prosedur "penukaran", "kad hilang" atau "penipuan".

In the event of any changes in the Cardmember's Account number, the BSN Instalment-Pay Plan Amount will be automatically debited to the Cardmember's new credit card account which will be issued under the "conversion", "lost card" or "fraud" procedure.

17. Ahli Kad boleh memohon Pelan Instalment-Pay BSN lebih daripada sekali tertakluk kepada kelayakan Ahli Kad berdasarkan kepada Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Semua pertukaran pembayaran bagi pembelian atau urus niaga runcit tersebut disifatkan sebagai muktamad dan telah dipersetujui oleh Ahli Kad.

The Cardmember may apply for the BSN Instalment-Pay Plan more than once subject to the Cardmember's eligibility based on the Terms and Conditions herein contained. All converted payment of purchases or retail transactions are deemed to be final and as agreed by the Cardmember.

18. Setiap satu daripada keadaan berikut boleh menyebabkan pelanggaran perjanjian di mana sekiranya berlaku salah satu peristiwa tersebut, semua caj yang tertunggak dan/atau Ansuran Bulanan dan/atau semua bayaran hendaklah menjadi patut atau perlu dibayar oleh Ahli Kad dan tanpa prejudis kepada hak Bank untuk menuntut kesemua bayaran atau mana-mana bahagian caj yang tertunggak dan/atau Ansuran Bulanan dan/atau semua bayaran di bawahnya. Pihak Bank berhak untuk melaksanakan remedi di bawah Perjanjian Ahli Kad:-

Each of the following events shall constitute an event of default where with the occurrence of such an event, all outstanding charges and/or Monthly Instalments and/or all monies due thereunder shall immediately become due and payable by the Cardmember and without prejudice to the Bank's right to demand payment of all or any part of the outstanding charges and/or Monthly Instalments and all monies due thereunder. The Bank shall be entitled to exercise its remedies under the Cardmember Agreement:-

- a) jika Ahli Kad mungkir dalam mana-mana obligasinya yang dinyatakan di sini atau di bawah Perjanjian Ahli Kad;

if the Cardmember defaults in any of his/her obligations stated herein or under the Cardmember Agreement;

- b) jika berlaku keingkaran dalam pembayaran Ansuran Bulanan atau apa-apa wang yang kena dibayar di bawah ini atau di bawah Akaun Ahli Kad;

if default is made in the payment of the Monthly Instalment or any sums due hereunder or under the Cardmember's Account;

- c) jika Pelan Instalment-Pay BSN ditamatkan;
if the BSN Instalment-Pay Plan shall be terminated;
 - d) jika Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagiannya hendaklah pada bila-bila masa untuk apa-apa alasan berhenti berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya atau sahnyanya atau diisytiharkan tidak sah, ditolak atau dihalang;
if the Terms and Condition herein or any part hereof shall at any time for any reason cease to be in full force and effect or valid or shall be declared void, repudiated or frustrated;
 - e) jika ianya menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk menyediakan Pelan Instalment-Pay BSN kepada Ahli Kad;
if it becomes impossible or unlawful for the Bank to make available or continue to make available the BSN Instalment-Pay Plan to the Cardmember;
 - f) jika berlaku sebarang keadaan bagi mana-mana sifat yang pada pendapat Bank boleh menyebabkan Bank tidak berupaya untuk menyediakan atau terus menyediakan Pelan Instalment-Pay BSN kepada Ahli Kad; dan
if there shall occur any circumstances of any nature which in the Bank's opinion may cause the Bank to be unable to make available or continue to make available the BSN Instalment- Pay Plan to the Cardmember;
 - g) kad dibatalkan atau Akaun Ahli Kad ditamatkan.
the card is cancelled or the Cardmember's Account is terminated.
19. Semasa tempoh Pelan Instalment-Pay BSN, Ahli Kad perlu membayar jumlah ansuran bulanan secara penuh sebelum tarikh akhir pembayaran, di mana jumlah ansuran bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Ahli Kad. Sekiranya Ahli Kad gagal membayar ansuran bulanan selaras dengan itu, Kadar Keuntungan/Faedah biasa yang dikenakan ke atas Kad Kredit yang digunakan oleh Ahli Kad bagi Pelan Instalment-Pay BSN ini (8.88% - 17.5% setahun) akan dikenakan ke atas baki ansuran bermula daripada tarikh akhir pembayaran sehingga ansuran tersebut dilunaskan sepenuhnya. Jika Ahli Kad gagal membayar ansuran penuh selama tiga (3) bulan berturut-turut, ansuran Pelan Instalment-Pay akan ditamatkan secara automatik.
- During the BSN Instalment-Pay Plan period, the Cardmembers shall service the monthly instalment amount in full before the date in which, the monthly instalment amount will be credited into the Cardmember's credit card account. This strict payment timeline shall apply throughout the tenure of the Instalment-Pay Plan selected by the Cardmember. In the event the Cardmember's fails to pay the monthly instalment accordingly, the normal Profit/Interest Rate charged under the respective Credit Card used by the Cardmembers for this BSN Instalment-Pay Plan (8.88% - 17.5% p.a) will be charged on the remaining instalment balance on the due date until the instalment is settled in full. If the Cardmember fails to pay the full instalment for three (3) consecutive months, the instalment-Pay Plan will be terminated automatically.*
20. Ahli Kad boleh pada bila-bila masa membatalkan Pelan Instalment-Pay BSN selepas permohonan diluluskan melalui notis bertulis kepada Bank atau apa-apa kaedah lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Selepas pembatalan Pelan Instalment-Pay BSN, jumlah amaun terkumpul Pelan Instalment-Pay BSN hendaklah dengan serta merta dibayar kepada Bank. Semua Amaun di bawah Pelan Instalment-Pay BSN yang belum dijelaskan akan ditunjukkan di dalam akaun penyata bulanan Ahli Kad dan Ahli Kad akan membayar jumlah ansuran bulanan tersebut mengikut peruntukan Perjanjian Ahli Kad, sekiranya gagal, Bank layak untuk menggunakan haknya di bawah Perjanjian Ahli Kad.
- The Cardmember may at any time, after the approval of the application, cancel the BSN Instalment-Pay Plan by written notice to the Bank or such other method as may be prescribed by the Bank from*

time to time. Upon the cancellation of the BSN Instalment-Pay Plan, the total outstanding BSN Instalment-Pay Plan Amount shall immediately become due and payable to the Bank. All such outstanding BSN Instalment-Pay Plan Amount will be shown in the Cardmember's Account monthly statement and the Cardmember shall pay the same in accordance with the provisions of the Cardmember Agreement, failing which the Bank shall be entitled to exercise its right under the Cardmember Agreement.

21. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap barangan yang dibeli oleh Ahli Kad menggunakan Pelan Instalment-Pay BSN yang tidak mencukupi, rosak atau defektif atau berkenaan dengan apa-apa pertikaian di antara Ahli Kad dengan peniaga. Walaupun terdapat apa-apa barangan yang tidak mencukupi, rosak atau defektif atau terdapat apa-apa pertikaian tersebut, Ahli Kad mestilah pada setiap masa membayar Ansuran Bulanan yang ditetapkan mengikut syarat-syarat yang terkandung di sini.

The Bank shall not be responsible for any inadequate, damaged or defective merchandise bought by the Cardmember using the BSN Instalment-Pay Plan or for any dispute between the Cardmember and the merchants. Notwithstanding such inadequate, damaged or defective merchandise or dispute, the Cardmember must at all times pay the Monthly Instalments as prescribed by the terms herein.

22. Ahli Kad adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada permohonan untuk Pelan Instalment-Pay BSN. *Cardmember shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their application for the BSN Instalment-Pay Plan.*

23. Dalam apa keadaan sekalipun, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Pelan Instalment-Pay BSN.

In no event will the Bank be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the BSN Instalment-Pay Plan.

24. Tanpa menghiraukan sama ada peristiwa kemungkiran telah berlaku, Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan apa-apa alasan kepada Ahli Kad untuk menamatkan Pelan Instalment-Pay BSN yang disediakan kepada Ahli Kad di mana segala Ansuran Bulanan yang belum dijelaskan akan menjadi patut dibayar atas tuntutan yang sama oleh pihak Bank. Semua Ansuran Bulanan yang belum dijelaskan akan ditunjukkan dalam penyata bulanan Akaun Ahli Kad dan Ahli Kad hendaklah membayarnya mengikut peruntukan yang dinyatakan di dalam Perjanjian Ahli Kad, di mana sekiranya gagal, Bank berhak untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian Ahli Kad.

Regardless of whether an event of default has occurred, the Bank shall be entitled at its absolute discretion at any time without having to assign any reason to the Cardmember to terminate the BSN Instalment-Pay Plan made available to the Cardmember whereupon all outstanding Monthly Instalments shall immediately become due and payable upon the Bank's demand of the same. All such outstanding Monthly Instalment will be shown in the Cardmember's Account monthly statement and the Cardmember shall pay the same in accordance with the provisions of the Cardmember

Agreement, failing which the Bank shall be entitled to exercise its right under the Cardmember Agreement.

25. Dengan menyertai Pelan Instalment-Pay BSN ini, Ahli Kad dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Pelan Instalment-Pay BSN ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
- untuk tujuan Pelan Instalment-Pay BSN ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
 - untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
 - untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
 - untuk mengesahkan status akaun Ahli Kad dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
 - apabila diminta secara bertulis oleh Ahli Kad; atau
 - untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

By participating in this BSN Instalment-Pay Plan, the Cardmembers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this BSN Instalment-Pay Plan being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any:

- for the purposes of this BSN Instalment-Pay Plan in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's Website; or*
- to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- to comply with a Court order or direction; or*
- to verify the Cardmembers' account status with any third party (if relevant); or*
- where the Cardmembers request in writing; or*
- to protect and defend BSN or BSN's asset.*

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.

26. Dengan memohon Pelan Instalment-Pay BSN, Ahli Kad dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada Bank dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan butiran permohonan yang diberikan kepada Bank untuk tujuan Pelan Instalment-Pay BSN.

By applying the BSN Instalment-Pay Plan, the Cardmember hereby voluntarily gives express consent to the Bank and/or its affiliates, to use the Personal Data and application details as provided to the Bank for the purposes of the BSN Instalment-Pay Plan.

27. Ahli Kad mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

- Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
- Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
- Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi pihak Bank.

Cardmember has the right at any time to:

- Withdraw their consent for the use of Personal Data;*

- b) *Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) *Raise any questions regarding the use of Personal Data by contacting the Bank.*

28. Ahli Kad bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Pelan Instalment-Pay BSN ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Pelan Instalment-Pay BSN ini oleh Ahli Kad yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Ahli Kad.

The Cardmembers agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this BSN Instalment-Pay Plan and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Cardmembers' participation in this BSN Instalment-Pay Plan associated with such Personal Data by giving notice to the Cardmembers.

29. Ahli Kad bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan/atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh pihak Bank dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh Bank, sekiranya ada, untuk tujuan Pelan Instalment-Pay BSN selaras dengan Notis Privasi Bank, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN.

Cardmember agrees and consents to their personal details including without limitation to personal data and/or information being collected, processed and used by the Bank and/or third party service providers engaged by the Bank, if any, for the purposes of the BSN Instalment-Pay Plan in accordance with the Bank's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website.

30. Dengan menyertai Pelan Instalment-Pay BSN ini, Ahli Kad dianggap telah bersetuju:-

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, dan lain-lain Terma dan Syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan/atau mana- mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Ahli Kad sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

By participating in this BSN Instalment-Pay Plan, all Cardmembers deemed to have agreed:

- a) *To be bound by the Terms and Conditions herein, and any other Terms and Conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
- b) *To access BSN's Website and/or any BSN's official social media page on regular basis to ensure that the Cardmembers are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

31. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Pelan Instalment-Pay BSN ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Ahli Kad, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the BSN Instalment-Pay Plan is final, binding on all Cardmembers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

32. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam memohon Pelan Instalment-Pay BSN atau sebaliknya. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Terma dan Syarat ini atau Perjanjian Ahli Kad yang disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik, peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang

kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

The Bank shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Cardmember resulting, directly or indirectly, from applying for the BSN Instalment-Pay Plan or otherwise. Furthermore, the Bank shall not be liable for any default of its obligation under this Terms and Conditions or the Cardmember Agreement due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of the Bank.

33. Bank mempunyai hak mengikut budi bicaranya untuk mengubah, meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa, dengan memberikan notis pemakluman sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan, pindaan, pembatalan dan/atau penambahan tersebut berkuat kuasa melalui makluman di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi Bank, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan Bank, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang Bank fikirkan sesuai dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan perubahan, pindaan, pembatalan dan/atau penambahan tersebut. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Ahli Kad.

The Bank reserves the right at its absolute discretion to vary, amend, delete or add to these Terms and Conditions, in whole or in part at any time, with notification at least twenty-one (21) days prior to such variations, amendment, deletions and/or additions to take effect by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN thinks appropriate and the Cardmember agrees to be bound by such variations, amendments, deletions and/or additions. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Cardmembers, directly or indirectly, caused by the changes. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Cardmembers.

34. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Perjanjian Ahli Kad dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Ahli Kad sebagai satu dokumen. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan antara terma Perjanjian Ahli Kad dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini akan diguna pakai setakat percanggahan atau perselisihan itu terpakai bagi Pelan Instalment-Pay BSN. Sebarang perkara mengenai Pelan Instalment-Pay BSN yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak Bank.

These Terms and Conditions are in addition to the Cardmember Agreement and shall be read together with the Cardmember Agreement as one single document. In the event of any conflict or discrepancy between the terms of the Cardmember Agreement and the Terms and Conditions herein stated, the Terms and Conditions herein stated shall prevail to the extent of such conflict or discrepancy in so far as they apply to the BSN Instalment-Pay Plan. Any matter with regards to the BSN Instalment-Pay Plan which is not covered in this Terms and Conditions will be determined by the Bank at its absolute discretion.

35. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Pelan Instalment-Pay BSN ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Pelan Instalment-Pay BSN yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising,

promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the BSN Instalment-Pay Plan, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the BSN Instalment-Pay Plan which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.

36. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

This Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

-TERMA DAN SYARAT TAMAT-
-END OF TERMS AND CONDITIONS-